



KENYATAAN RASMI
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
BERHUBUNG MAJLIS TINDAKAN KOPERASI MALAYSIA (M.T.K.M)
MALAYSIAN COOPERATIVE ACTION COUNCIL (MCED)

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) telah menerima pertanyaan daripada masyarakat awam berkaitan status entiti Malaysia Cooperative Action Council-MCED atau Majlis Tindakan Koperasi Malaysia (M.T.K.M) sama ada ianya di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*] atau Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*].

Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya menafikan bahawa MCED atau M.T.K.M di daftarkan di bawah mana-mana Akta yang dinyatakan di atas. Pihak Suruhanjaya tidak ada kaitan dengan MCED atau M.T.K.M atau apa-apa urusan melibatkan pihak mereka. Orang ramai dinasihatkan menyemak dengan Suruhanjaya sekiranya ada apa-apa kekeliruan melibatkan mana-mana entiti menggunakan perkataan koperasi dalam nama atau gelaran yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan perjalanan urusan atau urus niaga yang dijalankan olehnya.

UNIT HAL EHWAL ANTARABANGSA & KOMUNIKASI KORPORAT
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
14 SEPTEMBER 2023